

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

[BUKIT GANTANG – PAS]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 35

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelarian Rohingya yang berada di negara ini dan adakah insentif diberikan kepada Pusat Kebajikan Rohingya yang dikendalikan oleh NGO terutama pusat pendidikan anak-anak pelarian.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 30 September 2017, terdapat seramai **62,153 orang** pemegang kad UNHCR etnik Rohingya, Myanmar berada di Malaysia.

Daripada jumlah ini, seramai 53,811 orang adalah "pelarian", dan seramai 8,342 orang merupakan pemohon suaka. Daripada jumlah ini, seramai **18,155 orang adalah kanak-kanak**.

Dasar sedia ada negara mengenai pendidikan untuk anak-anak "pelarian" termasuk Rohingya telah membolehkan anak-anak mereka mendapat akses kepada pendidikan di sekolah-sekolah swasta sama ada diuruskan oleh orang perseorangan, komuniti "pelarian", Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau UNHCR.

Tiada sebarang insentif diberikan oleh pihak Kerajaan kepada NGO yang mengendalikan pusat-pusat pendidikan anak-anak etnik Rohingya setakat ini. Walau bagaimanapun, kerajaan kini sedang dalam proses menyediakan kertas cadangan bagi meningkatkan tahap kemudahan dan pendidikan di pusat pendidikan kanak-kanak "pelarian" Rohingya melalui sumbangan dana dari kerajaan asing termasuk Qatar Development Fund (QDF) dari kerajaan Qatar.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif bagi tujuan pendaftaran pusat bimbingan alternatif

yang menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak tidak berdokumen termasuklah pelarian di bawah UNHCR.

Pusat Bimbingan Alternatif adalah satu institusi pendidikan yang memberi bimbingan kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tidak berpeluang mendapat akses untuk mengikuti pendidikan formal sama ada di institusi kerajaan atau swasta.

Sehingga kini, KPM telah menjalankan pemeriksaan ke atas 124 buah pusat pendidikan kanak-kanak pelarian yang ditelah dikenalpasti oleh UNHCR bagi tujuan penubuhan dan pendaftaran mengikut ketetapan garis panduan yang terpakai.

Sekian, terima kasih.